

SOALAN NO: 80

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL2 [PR-1352-T00653]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah jumlah unit rumah PPR yang masih tidak didiami di kawasan Parlimen Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, terdapat sebanyak 2,053 unit rumah Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di 5 lokasi Parlimen Wangsa Maju dengan pecahan 912 unit di PPR Gombak Setia, 274 unit di PPR Wangsa Sari, 502 unit di PA Seri Kedah, 255 unit di PA Wangsa Maju R1 dan 110 unit di PA Wangsa Maju R10.

Sehingga 15 Julai 2017, bilangan unit rumah PA dan PPR di kawasan Parlimen Wangsa Maju yang tidak didiami adalah sebanyak 16 unit. Kekosongan tersebut adalah di 4 lokasi PA dan PPR iaitu 1 unit di PPR Gombak Setia, 1 unit di PPR Wangsa Sari, 12 unit di PA Seri Kedah dan 2 unit di PA Wangsa Maju R1. Walau bagaimana pun, kesemua unit rumah tersebut dalam proses untuk ditawarkan kepada pemohon rumah sewa yang berkelayakan dan unit tersebut akan didiami dalam masa terdekat.

Statistik bilangan unit dan kekosongan mengikut lokasi kawasan PA/PPR Parlimen Wangsa Maju adalah seperti berikut :

BIL	KAWASAN PA/PPR	BILANGAN UNIT	JUMLAH KEKOSONGAN (SEHINGGA 15 JULAI 2017)
1.	PPR Gombak Setia	912	1 unit
2.	PPR Wangsa Sari	274	1 unit
3.	PA Seri Kedah	502	12 unit
4.	PA Wangsa Maju R1	255	2 unit
5.	PA Wangsa Maju R10	110	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN		2,053	16 UNIT